Lim Ming Peng dan satu lagi lwn Gopalkrishnan a/l Iyampillai

MAHKAMAH TINGGI (SEREMBAN) — RAYUAN SIVIL NO 11–20 TAHUN 2007
AHMAD NASFY PK
13 NOVEMBER 2009

Tort — Kemalangan jalan raya — Liabiliti — Rayuan — Sama ada defendan-defendan cuai 100% — Versi berbeza bagaimana kemalangan berlaku — Majistret memutuskan versi plaintif lebih 'probable' berdasarkan 'physical evidence' — Sama ada majistret membuat dapatan fakta yang salah — Sama ada keterangan senyap rajah kasar menyokong versi pihak-pihak — Sama ada keterangan pihak-pihak konsisten dengan laporan polis serta kerosakan kenderaan

Ini adalah rayuan terhadap keputusan majistret yang mendapati defendan-defendan cuai 100% dalam kemalangan melibatkan motosikal plaintif dengan kereta Kancil defendan-defendan. Defendan-defendan telah membangkitkan dua isu fakta iaitu: (a) majistret telah khilaf dari segi fakta apabila mengatakan kereta yang dipandu oleh defendan-defendan tidak memberi laluan kepada motosikal plaintif sedangkan motosikal plaintif yang menceroboh masuk dan menghalang laluan kereta Kancil defendan-defendan; dan (b) majistret tidak menimbangkan fakta bahawa motosikal plaintif telah bergerak secara songsang di jalan sehala dengan menceroboh masuk ke jalan kereta Kancil defendan-defendan. Di dalam kes ini terdapat dua versi yang berbeza tentang bagaimana kemalangan ini berlaku. Versi plaintif adalah bahawa apabila sampai di simpang McDonald Nilai, plaintif hendak membelok ke kiri. Pada masa itu dia melihat sebuah kereta Kancil datang dari arah bertentangan dan telah makan jalan. Plaintif cuba mengelak tetapi terlanggar kereta Kancil tersebut dan terjatuh di kiri jalan di simpang tersebut bersama-sama motosikalnya. Manakala versi defendan-defendan adalah bahawa mereka menggunakan jalan sehala 'A-A1'. Apabila sampai di persimpangan McDonald, defendan-defendan hendak membelok ke kanan jalan besar, tiba-tiba motosikal plaintif yang datang dari arah bertentangan memasuki jalan yang salah, defendan-defendan membrek dan berhenti tetapi berlaku juga kemalangan. Dengan berhadapan dua versi yang berbeza ini majistret telah memutuskan bahawa versi plaintif adalah lebih 'probable' berdasarkan 'physical evidence'. Isu yang dipertimbangkan mahkamah adalah seperti berikut: (i) sama ada keterangan senyap rajah kasar (P2) menyokong versi pihak-pihak; dan (ii) sama ada keterangan plaintif dan

defendan-defendan masing-masing konsisten dengan laporan polis mereka 'P1' dan 'D3' serta kerosakan kenderaan.

Diputuskan, membenarkan rayuan dengan kos:

(1) Majistret telah membuat dapatan fakta yang salah apabila mengatakan seperti berikut: (i) defendan-defendan telah memasuki laluan sah plaintif berdasarkan kerosakan motosikal plaintif di sebelah kiri; (ii) defendan-defendan mempunyai pengetahuan bahawa plaintif ingin membelok ke kiri tetapi masih tidak berhenti di simpang tersebut bagi memberi laluan kepada plaintif yang ingin membelok; dan (iii) defendan-defendan cuai apabila membuat penukaran haluan dari kiri ke kanan di satu simpang tanpa berhenti terlebih dahulu untuk memberi laluan kepada plaintif melepasi simpang tersebut (lihat perenggan 21).

(2) Majistret gagal menimbangkan secara terperinci keterangan senyap iaitu rajah kasar serta keterangan saksi-saksi secara keseluruhan. Majistret hanya menerima pakai keterangan defendan-defendan yang berpihak kepada plaintif tanpa meneliti secara keseluruhan keterangan tersebut (lihat perenggan 22).

(3) Dengan mengambilkira keterangan saksi-saksi secara keseluruhannya dan keterangan senyap yang ada, versi defendan-defendan mengenai bagaimana kemalangan ini berlaku adalah lebih 'probable'. Walau bagaimanapun defendan-defendan juga didapati menyumbang sedikit kecuaian apabila tidak mengambil langkah berhati-hati untuk mengelak kemalangan ini setelah kali pertama melihat motosikal plaintif berada di tanda 'X' melepasi simpang 'A4'. Berdasarkan kepada dapatan fakta ini, liabiliti plaintif dan defendan-defendan masing-masing adalah 80% dan 20% (lihat perenggan 35–36).

[English summary

This was an appeal against the decision of the magistrate in finding the defendants 100% negligent in an accident which involved the plaintiff's motorcycle and the defendants' Kancil car. The defendants had raised two factual issues, ie the magistrate had erred in facts in considering that the car driven by the defendants had not given way to the plaintiff's motorcycle whereas the plaintiff's motorcycle had encroached into and obstructed the lane of the defendants' Kancil car; and (b) the magistrate had not considered the fact that the plaintiff's motorcycle was ridden on the opposite side of the road on a one way road by encroaching into the lane of the defendants' Kancil car. In this case there are two different versions on how the accident occurred. The plaintiff's version was that upon arriving at the Nilai McDonald's

junction the plaintiff had turned left. At that time he saw a Kancil car approaching from the opposite direction and had encroached into the road. The plaintiff tried to avoid it but instead collided into the said Kancil car and fell on the left side of the junction with his motorcycle. Whereas the defendants' version was that they had used the one way road 'A-A1'. Upon arriving at the McDonald's junction, the defendants were about to turn right into the main road when all of a sudden the plaintiff's motorcycle came from the opposite direction into the wrong side of the road, the defendants applied the brake and stopped but the accident still occurred. Based on these two different versions the magistrate found that the plaintiff's version was more probable upon physical evidence. The issues that were to be determined by the court were as follows: (i) whether the silent evidence on the sketch (P2) supported the parties' version; and (ii) whether the plaintiff's and defendants' evidence respectively were consistent with their police report 'P1' and 'D3' and the damage to the car.

Held, allowing the appeal with costs:

(1) The magistrate had made a wrong finding of fact when he decided the following: (i) the defendants had entered the plaintiff's rightful lane based on the damage to the left side of the plaintiff's motorcycle; (ii) the defendants had knowledge that the plaintiff intended to turn left but they still did not stop at the said junction to give way to the plaintiff who intended to turn; and (iii) the defendants were negligent when changing lanes from left to right at a junction without first stopping to give way for the plaintiff to pass the said junction (see para 21).

(2) The magistrate had failed to consider in detail the silent evidence ie the sketch and the witnesses' evidence as a whole. The magistrate had only admitted the defendants' evidence which favoured the plaintiff without scrutinising the overall evidence (see para 22).

(3) By considering the overall evidence of the witnesses and the silent evidence available, the defendants' version on how the accident occurred was more probable. Although the defendants were also found to be contributory negligent by not taking any precautionary measures to avoid this accident after they first noticed that the plaintiff's motorcycle which was at a spot marked 'X' passed the junction 'A4'. Based on this finding of fact, the liability of the plaintiff and defendants respectively was 80% and 20% (see paras 35–36).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai liabiliti, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1664–1665.

Kes-kes yang dirujuk

Henry Trading Co Ltd v Harun [1966] 2 MLJ 281; [1966] 1 LNS 65, MP (dirujuk)

Karumalay a/l Vanniyan & Anor v Ananthan a/l Rethinam [2005] 3 MLJ 600; [2005] 2 CLJ 429, MR (dirujuk)

Lee Hock Lai v Yeoh Wah Pein [1999] 5 MLJ 172; [1998] 1 LNS 364, MT (dirujuk)

Zainap bt Abd Majid & Ors v Gian Eng Hwa & Ors [1995] 1 MLJ 801; [1994] 4 CLJ 1089, MT (dirujuk)

Vincent Choo (Ooi Aik Lim & Associates) bagi pihak perayu-perayu.
Jeeva (Jeeva Kumar & Associates) bagi pihak responden.

Ahmad Nasfy PK:

[1] Ini adalah rayuan plaintif terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang telah membenarkan rayuan defendan-defendan mengenai liabtliti sahaja dengan mendapati plaintif bertanggungan 80% dan defendan-defendan 20% atas kemalangan tersebut.

[2] Dalam rayuan ini peguam cara defendan-defendan telah membangkitkan dua isu fakta iaitu:

(a) Puan majistret yang terpelajar telah khilaf dari segi fakta apabila mengatakan kereta jenis Kancil yang dipandu oleh defendan tidak memberi laluan kepada motosikal plaintif sedangkan motosikal plaintif yang menceroboh masuk dan menghalang laluan kereta Kancil defendan.

(b) Puan majistret yang terpelajar tidak menimbangkan fakta bahawa motosikal plaintif telah bergerak secara songsang di jalan sehala dengan menceroboh masuk jalan kereta Kancil.

[3] Berdasarkan fakta, didapati kedua pihak plaintif dan defendan telah memberi versi yang berbeza.

VERSI PLAINTIF

[4] Pada 7 September 2003 lebih kurang pukul 8 pagi, plaintif sedang menunggang motosikalnya No NBA 3672 dari arah Allson Klana Nilai hendak balik ke Seremban.

(Merujuk rajah kasar P2 dari atas ke bawah)

[5] Apabila sampai di simpang McDonald Nilai, plaintif hendak membelok ke kiri. Pada masa itu beliau melihat sebuah kereta Kancil datang dari arah

bertentangan telah makan jalan. Plaintif cuba mengelak tetapi terlanggar kereta Kancil dan terjatuh di kiri jalan di simpang tersebut bersama-sama motosikalnya.

VERSI DEFENDAN

[6] Pada masa dan tarikh yang material defendan memandu kereta jenis Kancil No WGE 4840 dari arah Nilai hendak ke Seremban. Jalan tersebut merupakan jalan sehala sehingga ke persimpangan McDonald.

(Merujuk rajah kasar P2 dari bawah ke atas)

[7] Defendan menggunakan jalan sehala A–A1. Apabila sampai di persimpangan McDonald, defendan hendak membelok ke kanan jalan besar, tiba-tiba motosikal plaintif yang datang dari arah bertentangan memasuki jalan salah, defendan membrek dan berhenti tetapi berlaku juga kemalangan.

HUJAHAN

Hujahan peguam cara defendan

[8] Fakta yang tidak dipertikai kedua-dua kenderaan datang dari arah bertentangan. Kereta Kancil dari bawah ke atas dan motosikal plaintif dari atas ke bawah.

[9] Kedua-dua kenderaan itu dipisahkan oleh jalan yang keluasannya 20.40 meter iaitu lebih kurang 67 kaki.

[10] Plaintif mengatakan hendak membuat pusingan 'U' di bahagian jalannya yang beliau tandakan 'X' di rajah kasar P2 dan di situlah dikatakannya sebagai tempat berlakunya pertembungan.

[11] Jika benar motorsikal hendak membuat pusingan 'U' berhampiran tanda 'X' maka kedua-dua kenderaan itu tidak akan melepasi laluan masing-masing sebab mereka dipisahkan oleh ruang jarak sekurang-kurangnya 40 kaki.

[12] Rajah kasar P2 menunjukkan kedudukan kereta Kancil dan motosikal berdekatan dengan A3 iaitu berdekatan 'Y'. Tanda 'Y' dibuat oleh defendan bagi menunjukkan tempat berlakunya kemalangan. Persoalannya kenapa motosikal plaintif berada di satu tempat sejauh lebih kurang 67 kaki dari tempat ia hendak membuat pusingan 'U'? Kereta Kancil jika hendak membelok pun tidak akan sampai ke 'X' yang jauhnya boleh memuatkan tujuh buah kereta Kancil. Dengan jarak A3 dan A4 ialah 20.40 meter

bersamaan lebih kurang 76 kaki kemungkinan kemalangan berlaku ditanda 'X' seperti dakwaan plaintif adalah tidak munasabah.

[13] Peguam cara defendan berhujah bahawa motosikal plaintif telah melepasi simpang dan terus memasuki jalan sehala kereta Kancil defendan secara songsang sedangkan kereta Kancil defendan berada di laluan sahnya. Maka defendan yang cuai sepenuhnya menyebabkan kemalangan ini berlaku.

Hujahan peguam plaintif

[14] Defendan dan plaintif adalah dalam perjalanan untuk pergi ke Seremban dan mengikut rajah kasar P2 dari atas ke bawah dan mengikut keterangan saksi-saksi arah untuk pergi ke Seremban adalah melalui Bandar Baru Nilai atau melalui Putra Point. Tidak lojik bagi plaintif untuk jalan terus sebab jalan ini tidak akan membawa beliau ke Seremban.

[15] Mengikut versi plaintif apabila sampai di simpang beliau hendak pusing ke kiri untuk balik ke Seremban tiba-tiba defendan yang datang dari arah hadapan telah makan jalan. Plaintif cuba elak ke kanan tetapi tidak sempat dan satu perlanggaran telah berlaku.

[16] Peguam cara plaintif berhujah versi plaintif adalah benar berdasarkan fakta-fakta berikut:

(a) Keterangan defendan sendiri telah memaklumkan kepada mahkamah ini bahawa laporan polis yang dibuat olehnya adalah betul (rujuk ms 6 Ikatan B) 'saya pun brek akan berhenti tetapi berlaku juga perlanggaran'. Apabila peguam cara defendan menyoal defendan, adalah kenyataan ini benar, defendan mengatakan kenyataan itu adalah benar.

(b) Defendan sendiri menerangkan kerosakan pada kenderaannya adalah di hadapan sebelah kiri kenderaan. Rajah kasar jelas menunjukkan muncung kiri kenderaan defendan telah pun memasuki hala yang kedua iaitu hala menuju Bandar Baru Nilai. Ini jelas membuktikan plaintif memang hendak pusing kiri. Keterangan defendan juga membuktikan fakta ini kerana mengikut defendan selepas perlanggaran motosikal plaintif telah jatuh di sebelah kiri tempat di mana kereta tesebut mengalami kerosakan.

(c) Dengan keterangan di atas, versi defendan yang mengatakan perlanggaran berlaku di 'Y' memang tidak boleh diterima. Kedudukan ini bukanlah tempat perlanggaran tetapi tempat di mana motosikal plaintif dialihkan selepas perlanggaran. Rajah kasar dan gambar C menyokong kenyataan ini. Gambar C menunjukkan kedudukan

motosikal dalam keadaan tegak menunjukkan motosikal plaintif telah dialihkan selepas kemalangan. Tanda 'C' dalam rajah kasar adalah motosikal plaintif mengikut kunci rajah kasar.

(d) Semasa disoalbalas defendan mengatakan melihat kehadiran motosikal plaintif sebelum kemalangan dan ingat plaintif akan membuat pusingan 'U' dan belok ke kiri. Keterangan ini sama dengan keterangan plaintif di mana plaintif mengatakan beliau hendak membelok ke kiri. Defendan secara cuai tanpa berhenti di simpang telah memasuki arah perjalanan plaintif dan menyebabkan kemalangan ini.

(e) Defendan mula-mula melihat motosikal plaintif ditanda 'X' dan pada masa itu kedudukan defendan adalah dekat 'Triple Arrow'. Pada masa itu defendan belum sampai di simpang di 'A3'. Kemalangan berlaku dalam kedudukan kereta Kancil defendan seperti dalam rajah kasar di bahagian kiri itu jelas menunjukkan kelajuan kereta Kancil defendan sampai di tempat kemalangan dari 'Triple Arrow'. Mengapa defendan tidak berhenti di simpang sehingga plaintif habis membelok ke kiri. Semasa defendan kali pertama melihat plaintif, plaintif telah pun melepasi A4.

(f) Kecuaian defendan di sini amat ketara. Defendan yang datang dari arah 'A3' dan menuju ke Bandar Baru Nilai sebenarnya membuat satu penukaran hala dari sebelah kiri ke sebelah kanan dan penukaran hala ini dibuat di satu simpang.

(g) Peguam cara plaintif berhujah bahawa defendan 100% cuai dan bertanggungjawab atas perlanggaran ini.

DAPATAN FAKTA (FINDING OF FACT) MAJISTRET BICARA

[17] Majistret bicara telah memutuskan liabiliti 100% terhadap defendan-defendan atas alasan-alasan berikut:

(a) Mahkamah mendapati versi plaintif adalah lebih 'probable' berdasarkan kepada kerosakan kenderaan Kancil defendan sebelah kiri yang menunjukkan bahawa defendan telah memasuki jalan sah plaintif yang hendak membuat pusingan ke kiri dan ini disokong oleh keterangan defendan sendiri yang menyatakan selepas perlanggaran, motosikal plaintif telah jatuh sebelah kiri di mana kenderaan mengalami kerosakan.

(b) Defendan sendiri dalam keterangan telah menyatakan bahawa beliau ada melihat kehadiran plaintif sebelum kemalangan dan plaintif telah mengandaikan plaintif akan membuat pusingan 'U' dan belok ke kiri dan ini selaras dengan keterangan plaintif yang menyatakan memang ia ingin membelok ke kiri. Walaupun defendan mempunyai pengetahuan

bahawa plaintif ingin membelok ke kiri tetapi defendan masih tidak berhenti di simpang tersebut bagi memberi laluan kepada plaintif yang ingin membelok ke kiri terlebih dahulu malahan telah meneruskan perjalanan sehingga menyebabkan kemalangan tersebut.

(c) Mahkamah seterusnya mendapati defendan sememangnya cuai dalam kemalangan ini kerana membuat penukaran hala dari sebelah kiri ke sebelah kanan di satu simpang yang mana pada dasarnya apabila sampai di suatu persimpangan jika kenderaan datang dari arah bertentangan telah melepasi persimpangan tersebut maka wajar kenderaan lain berhenti di persimpangan tersebut.

Defendan dalam keterangan merujuk rajah kasar menyatakan beliau mula-mula nampak motosikal di tempat bertanda 'X' dan masa itu kenderaan beliau dekat 'triple arrow' antara A — A. Plaintif pada masa itu menurut defendan belum sampai lagi ke simpang A3. Defendan telah mengandaikan plaintif ingin belok ke kiri dan buat pusingan 'U' dan semasa defendan melihat plaintif pertama kali, plaintif telah melepasi simpang A4 tetapi defendan telah gagal berhenti di simpang tersebut bagi membolehkan plaintif habis membelok ke kiri terlebih dahulu sebelum meneruskan perjalanan. Ini menunjukkan kecuaian di pihak defendan yang gagal berhenti apabila menghampiri suatu persimpangan yang mana telah ada kenderaan lain yang terlebih dahulu melepasi persimpangan tersebut.

(d) Berdasarkan kepada bukti-bukti yang ada mahkamah mendapati 'physical evidence is more probable version' yang menyokong versi plaintif dalam tindakan ini.

PERTIMBANGAN MAHKAMAH

[18] Isu berkenaan arah perjalanan kedua-dua kenderaan tidak dipertikaikan. Walau bagaimanapun terdapat dua versi yang berbeza tentang bagaimana kemalangan ini berlaku. Dengan berhadapan dua versi yang berbeza ini majistret bicara telah memutuskan bahawa versi plaintif adalah lebih 'probable' berdasarkan 'physical evidence'.

[19] Sama ada majistret bicara telah khilaf mengenai fakta dengan membuat kesimpulan bahawa versi plaintif lebih 'probable'.

[20] Dalam menimbang isu berbeza versi ini mahkamah harus merujuk kepada keterangan senyap seperti telah diputuskan dalam kes-kes berikut:

(a) *Zainap bt Abd Majid & Ors v Gian Eng Hwa & Ors* [1995] 1 MLJ 8; [1994] 4 CLJ 1089;

(b) *Lee Hock Lai v Yeoh Wah Pein* [1999] 5 MLJ 172; [1998] 1 LNS 364;

(c) *Henry Trading Co Ltd v Harun* [1966] 2 MLJ 281; [1966] 1 LNS 65 (MP).

[21] Saya berpendapat bahawa majistret bicara telah membuat dapatan fakta yang salah apabila mengatakan seperti berfkut:

(a) Defendan telah memasuki laluan sah plaintif berdasarkan kerosakan motosikal plaintif di sebelah kiri.

(b) Defendan mempunyai pengetahuan bahawa plaintif ingin membelok ke kiri tetapi masih tidak berhenti di simpang tersebut bagi memberi laluan kepada plaintif yang ingin membelok.

(c) Defendan cuai apabila membuat penukaran hala dari kiri ke kanan di satu simpang tanpa berhenti terlebih dahulu untuk memberi laluan kepada plaintif melepasi simpang tersebut.

[22] Berdasarkan dapatan fakta ini juga saya berpendapat bahawa majistret bicara gagal menimbangkan secara terperinci keterangan senyap iaitu rajah kasar serta keterangan saksi-saksi secara keseluruhan. Majistret bicara hanya menerima pakai keterangan defendan yang berpihak kepada plaintif tanpa meneliti secara keseluruhan keterangan tersebut. Merujuk kes *Karumalay a/l Vanniyan & Anor v Ananthan a/l Rethinam* [2005] 3 MLJ 600; [2005] 2 CLJ 429 (MR) pada tajuk *The Appeal @ The Law* menyatakan berikut:

> There are a host of reported cases, both local and foreign, which ex pound the legal principle that an appellate court is generally inclined to interfere with a decision of a sessions court if it has been arrived at without any or insufficient judicial evaluation and appreciation of the evidence adduced. In *Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 MLJ 97; [2003] 2 CLJ 19A (refd) Gopal Sri Ram JCA succinctly stated the principle at pp 116–120 (MLJ); p 33 (CLJ):
>
> > Suffice to say that we re-affirm the proposition that an appellate court will not, generally speaking, intervene unless the trial court is shown to be plainly wrong in arriving at its decision. But the appellate interference will take place in cases where there has been no or insufficient judicial appreciation of the evidence. It is, we think appropriate that we say what judicial appreciation of evidence involves.
> >
> > A judge who is required to adjudicate upon a dispute must arrive at his decision on an issue of fact by assessing, weighing and, for good reasons, either accepting or rejecting the whole or any port of the evidence placed before him. He must, when deciding whether to accept or to reject the evidence of a witness, test is against relevant criteria. Thus, he must take into account the presence or absence of any motive that a witness may have in giving his evidence. If there are contemporary documents, then he must test the oral evidence of a witness against these. He must also test evidence of a particular witness against the probabilities of the case. A trier of fact who makes findings based purely upon

A the demeanour of a witness without undertaking a critical analysis of that witness' evidence runs the risk of having his findings corrected on appeal. It does not matter whether the issue for decision is one that arises in a civil or criminal case: the approach to judicial appreciation of evidence is the same. There are a number of important and leading cases in which the point has been considered.

B

[23] Berbalik kepada kes rayuan ini suatu analisa keterangan saksi-saksi, pegawai penyiasat (SP2), plaintif (SP1) dan defendan (SD1) serta rajah kasar (P2) sewajarnya dilihat bagi mencari dapatan fakta versi siapakah yang lebih
C 'probable'.

[24] Isu yang harus dipertimbangkan adalah seperti berikut:

(a) Sama ada keterangan senyap rajah kasar (P2) menyokong versi pihak-pihak.
D

(b) Sama ada keterangan plaintif dan defendan masing-masing konsisten dengan laporan polis mereka P1 dan D3 serta kerosakan kenderaan.

[25] Plaintif memberi keterangan bahawa kemalangan berlaku di X yang
E ditandanya dalam rajah kasar P2. Dalam laporan polisnya P1 di baris 3 mengatakan:

Apabila saya tiba di sebelah belakang Hotel Allson Klana Nilai/depan McDonald Nilai, masa itu saya lihat sebuah motokar bernombor WGE 4940 jenis Produa
F Kancil datang dari arah hadapan dan makan jalan, saya cuba mengelak ke kanan tetapi motokar tersebut langgar pada motosikal saya: ...

[26] Jika merujuk rajah kasar, plaintif mengatakan ia dari arah atas. Sampai
G di simpang A4 plaintif hendak membelok ke kiri dan kemalangan berlaku di X.

[27] Saya berpendapat keterangan plaintif tidak disokong oleh rajah kasar P2 dan kerosakan motosikalnya di bahagian hadapan tidak konsisten dengan
H laporan polisnya P1 yang mengatakan ia cuba mengelak ke kanan.

[28] Mengikut pegawai penyiasat (SP2) motosikal plaintif rosak di bahagian depan dan rim serta folk bengkok. Ini bermakna motosikal plaintif dalam keadaan lurus atau menegak menghala ke simpang A3 semasa
I kemalangan berlaku.

[29] Saya mengatakan rajah kasar P2 tidak menyokong versi plaintif bahawa kemalangan berlaku di X yang ditandanya kerana jika merujuk rajah kasar motosikal plaintif jatuh di tanda C berdekatan A3. Jika A3 ke B

(kedudukan kereta) diukur 3.80 meter maka besar kemungkinan A3 ke C yang tidak diukur lebih kurang sama jaraknya dengan A3 ke B. SP2 mengatakan kedua-dua kenderaan tidak diubah. Ini bermakna kedudukan motosikal di C dan kereta di B adalah kedudukan sebenar selepas kemalangan. Dengan ertikata lain versi plaintif bahawa kemalangan berlaku di X adalah tidak munasabah.

[30] Sama ada keterangan defendan konsisten dengan rajah kasar P2 dan laporan polisnya D3.

[31] Defendan datang dari arah bawah maju ke simpang A3 yang merupakan jalan sehala. Defendan menandakan Y tempat kemalangan berlaku iaitu berhampiran C tempat kedudukan motosikal plaintif dalam rajah kasar P2. Selepas kemalangan kereta defendan bergerak ke hadapan dan berhenti di B. Di simpang A3–A4 tiada tanda 'berhenti' tetapi pemandu perlu berhati-hati jika ada kenderaan datang dari arah bertentangan.

[32] Ketika kereta defendan sampai di simpang A3 dan baru hendak membelok ke kanan tiba-tiba motosikal plaintif masuk jalan salah menghala ke kereta defendan, defendan membrek dan berhenti di tempat yang ditandanya Y di P2. Keterangan defendan konsisten dengan laporan polisnya D3 dan rajah kasar P2. Keterangan ini juga konsisten dengan kerosakan kereta defendan iaitu rosak bahagian depan kiri, bumper pecah, lampu signal pecah dan mudguard kemek.

[33] Sebagai kesimpulan saya berpendapat kemalangan berlaku di tempat yang ditandakan Y oleh defendan dan bukan di X yang ditandakan oleh plaintif.

[34] Oleh itu dapatan fakta oleh majistret bicara bahawa plaintif yang melepasi simpang A4 dan defendan gagal berhenti di simpang A3 untuk membolehkan plaintif membelok ke kiri sebelum meneruskan perjalanan adalah suatu dapatan fakta yang salah dan bertentangan dengan keterangan senyap serta bercanggah dengan keterangan pegawai penyiasat (SP2) berkaitan kerosakan motosikal plaintif yang semuanya di bahagian hadapan.

[35] Dengan mengambilkira keterangan saksi-saksi secara keseluruhannya dan keterangan senyap yang ada, saya memutuskan bahawa versi defendan mengenai bagaimana kemalangan ini berlaku adalah lebih *probable*. Walau bagaimanapun defendan juga didapati menyumbang sedikit kecuaian apabila tidak mengambil langkah berhati-hati untuk mengelak kemalangan ini setelah kali pertama melihat motosikal plaintif berada di tanda X melepasi simpang A4.

A **[36]** Berdasarkan kepada dapatan fakta ini saya memutuskan membenarkan rayuan dengan kos dan mengetepikan keputusan majistret bicara yang mendapati defendan cuai 100% dengan menggantikan liabiliti plaintif dan defendan masing-masing 80% dan 20%.

B *Rayuan dibenarkan dengan kos.*

Reported by Ashgar Ali Ali Mohamed

C

D

E

F

G

H

I